

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi
Sent: Thursday, 17 March, 2016 6:37 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SMMTC MENYINGKAP RAHSIA HUTAN SINTOK



**Pusat Pengajian Teknologi
Multimedia dan Komunikasi**
SCHOOL OF MULTIMEDIA TECHNOLOGY AND COMMUNICATION
Universiti Utara Malaysia



17 MAC 2016 / 08 JAMADILAKHIR 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato' /YBrs. Prof/Prof. Madya/Dr/Tuan/Puan/Cik

SMMTC MENYINGKAP RAHSIA HUTAN SINTOK



SMMTC ONLINE: Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC) di bawah Jawatankuasa Pembangunan Modal Insan telah mengadakan aktiviti rekreasi “Eksplorasi Sintok” pada 15 Mac 2016. Aktiviti ini bertujuan untuk melihat khazanah tersimpan Hutan Sintok disamping berekreasi dan mengeratkan silaturrahim. Aktiviti ini turut sama dijayakan oleh pegawai pemandu arah, En Romi Md Noor dan En Kamaludin Chin yang bermula pada jam 8.45 pagi dan memakan masa hampir tiga jam.

Seramai 19 orang peserta Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi telah turut sama mengikuti program ini. Pelbagai pengalaman dan pengetahuan baru tentang Hutan Sintok diperolehi. Pemandangan yang indah dan unik telah memperlihatkan rahsia dan landskap Hutan Sintok yang penuh dengan pelbagai tarikan semulajadi. Aktiviti ini juga dijalankan untuk menyokong program *Discover UUM 2016*.

Habis.

=====

PUSAT PENGAJIAN TEKNOLOGI MULTIMEDIA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
TEL.: 04 - 928 5800/5801/5802/5803
FAKS :04 - 928 5804
E-MEL: mmtc@uum.edu.my

